

Publication	Berita Harian	Section / Page	Classifieds	Date	9/8/ 2022
Headline	Takaful Malaysia Sumbang Zakat Kepada 108 ASNAF				

## TAKAFUL MALAYSIA SUMBANG ZAKAT KEPADA 108 ASNAF

**SYARIKAT** Takaful Malaysia Keluarga Berhad (STMKB atau Takaful Malaysia), pengendali takaful pertama di Malaysia, hari ini menyampaikan sumbangan zakat kepada 108 Asnaf (penerima zakat yang layak) memabatkan peruntukan sebanyak RM21,600. Agihan sumbangan zakat ini adalah kerjasama antara Takaful Malaysia dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada Program Pembangunan Asnaf anjuran MPP MBSJ iaitu pemberian bantuan kewangan kepada penerima zakat yang layak.

Nor Azman Zainal, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan STMKB, dalam satu kenyataan berkata, "Sumbangan kami hari ini amat bermakna untuk membantu golongan Asnaf di daerah Puchong Utama, Selangor. Inisiatif ini selaras dengan



nilai teras kami untuk memberi semula kepada masyarakat dan menghulurkan bantuan untuk mereka yang memerlukan melalui sumbangan zakat dan program tanggungjawab sosial korporat. Agihan zakat ini tidak terhad menyediakan sara hidup kepada golongan yang kurang berkemampuan; sebaliknya, ia bertujuan untuk memperkaya dan meningkatkan ekonomi Asnaf serta memperkasakan masyarakat. Disebabkan itu, kami berharap sumbangan zakat hari ini dapat memberikan senyuman kepada waris dan keluarga serta membantu meringankan beban kewangan mereka."

Sehingga Jun 2022, Takaful Malaysia telah mengagihkan kira-kira RM2 juta zakat perniagaan kepada pelbagai individu dan institusi benefisiari di seluruh Malaysia.

Nor Azman Zainal menambah, "Sebagai pengendali takaful yang bertanggungjawab, kami sentiasa menantikan peluang untuk membantu golongan yang memerlukan sebagai tanda kesyukuran kami di atas kurniaan Allah SWT. Kami sentiasa prihatin untuk membantu masyarakat khususnya golongan Asnaf melalui inisiatif tanggungjawab

sosial korporat. Keperluan pengagihan zakat daripada syarikat korporat adalah penting memandangkan bilangan keluarga Asnaf fakir dan miskin dijangka meningkat berikutan keadaan semasa ekonomi. Oleh itu, Takaful Malaysia sentiasa berada di barisan hadapan dalam menyokong inisiatif murni seperti Program Pembangunan Asnaf yang dimulakan oleh majlis perwakilan, terutamanya apabila ia membawa kepada pertumbuhan masyarakat dan kesejahteraan golongan yang kurang bernasib baik."

"Melalui zakat, golongan fakir dan yang memerlukan akan diberi perhatian. Ia merupakan pendekatan alternatif terhadap pembasmian kemiskinan dan membina kapasiti untuk golongan yang memerlukan agar lebih produktif kerana ia menyediakan cara hidup yang indah dalam mengekalkan sosioekonomi Ummah yang sesuai. Justeru, usaha berterusan kami adalah menunaikan rukun Islam dengan memberi sumbangan zakat kepada penerima yang layak. Kami berharap ia dapat membantu khususnya dalam meningkatkan taraf hidup golongan Asnaf untuk menghadapi masa yang mencabar dan masyarakat Islam secara keseluruhannya," rumus Nor Azman Zainal.